

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

25. Sila nyatakan jadual kutipan sampah untuk kesemua blok di PPR Padang Tembak dan juga kontraktor sampah yang dilantik.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Kebersihan merupakan antara tonggak utama aspirasi Kerajaan Negeri selaras dengan slogan *Cleaner, Greener and Safer Penang*. Rancangan Perumahan Awam Padang Tembak akan terus diselenggara oleh Kerajaan Negeri di mana bagi aspek kebersihan, terdapat 2 kontraktor telahpun dilantik bagi melaksanakan kerja-kerja kebersihan iaitu seperti berikut:
- (a) Syarikat Island Phoenix Ventures di blok A, B, C, D dan E, Padang Tembak (Kawasan A); dan
  - (b) Syarikat Rosa Yes Resources di blok F, G, H dan J, Padang Tembak (Kawasan B).

Jadual bagi kutipan sampah di setiap blok Padang Tembak adalah dua (2) kali sehari (pagi dan petang) di mana semua sampah yang telah dikumpulkan dibuang ke pusat pungutan sampah yang disediakan. Walau bagaimanapun, kutipan sampah di rumah sampah yang terletak berhampiran dengan blok E dan blok H adalah di bawah tanggungjawab Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di mana jadual kutipan sampah bagi rumah sampah berkenaan adalah tiga (3) hari sekali.